

26 SEP 2000

DANAHARTA-KEDAH

PKNK BELI LADANG SUNGEI ULAR DARIPADA DANAHARTA

KUALA LUMPUR, 26 Sept (Bernama) -- Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) hari ini menandatangani perjanjian jual beli dengan Pengurusan Danaharta Nasional Bhd untuk pembelian ladang Sungei Ular di Kulim Kedah.

PKNK membeli ladang seluas 2,295 hektar itu dengan harga RM102.11 juta menerusi tender daripada Danaharta.

Di majlis yang disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, PKNK diwakili oleh pengerusinya Datuk Seri Syed Razak Syed Ahmad yang juga Menteri Besar Kedah, sementara Danaharta diwakili oleh pengarah urusannya, Datuk Azman Yahya.

Dr Mahathir menyaksikan majlis itu setelah beliau merasmikan pusat dagangan Kedah, pusat dagangan sehenti bagi kerajaan Kedah di Menara UBN di sini untuk memudahkan para pelabur berurusan dengan pihak kerajaan negeri.

PKNK berkata dalam satu kenyataan, bahawa ladang itu yang 64 peratus ditanami dengan pokok getah dan 36 peratus dengan pokok kelapa sawit terletak empat km dari Kulim High-Tech Park dan lapan km dari Bandar Kulim.

Dengan pembelian itu, PKNK dapat meningkatkan simpanan tanahnya yang mempunyai potensi untuk dibangunkan dengan projek pembangunan hartanah dan juga sesuai untuk menjadi tapak pembesaran kepada Kulim High-Tech Park.

PKNK akan dapat juga meningkatkan hasil ladangnya melalui tanaman kelapa sawit kerana sekarang ini ladang PKNK adalah 100 peratus ditanami dengan getah. -- BERNAMA

MK OS